

# Setuju vaksin dibuat di sekolah

Pangkalan data murid tersedia selain mudahkan ibu bapa

■ KAMARUL HALIM M KAMAL

## BATU PAHAT

Kementerian Pendidikan menyokong cadangan Kementerian Kesihatan untuk suntikan vaksin dijalankan di peringkat sekolah dan dalam masa sama turut mericadangkan ia dilakukan di sekolah kerana lebih memudahkan ibu bapa mendapatkan insentif itu.

Menyokong cadangan ini, Menteri Pendidikan, Datuk Seri Mahdzir Khalid berkata, pihaknya setakat ini tiada masalah untuk memberikan kerjasama dan mericadangkan ia dilakukan ke atas murid tahun 4 dan 5.

Katanya, ada 7,000 sekolah rendah dan sekolah menengah di negara ini dengan data berkaitan setiap pelajar direkodkan dalam pangkalan data.

"Kita cadang ia dilakukan di sekolah dan saya percaya ibu bapa akan bersetuju dengan cadangan ini demi kebaikan anak mereka juga.

"Pihak Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) sudah mempunyai data pelajar dan ia akan memudahkan saringan dilakukan seterusnya suntikan

**“Kita cadang ia dilakukan di sekolah dan saya percaya ibu bapa akan bersetuju dengan cadangan ini demi kebaikan anak mereka juga. Pihak Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) sudah mempunyai data pelajar dan ia akan memudahkan saringan dilakukan seterusnya suntikan berkenaan dapat dijalankan.”** - Mahdzir

berkenaan dapat dijalankan," katanya pada sidang media selepas Program Bual Bicara Aidilfitri bersama warga pendidik Batu Pahat, di Dewan Sultan Ibrahim, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), semalam.

Dalam pada itu, ketika diminta mengulas cadangan bekas Mufti Wilayah Persekutuan, Datuk Wan Zahidi Wan Teh, berkaitan ancaman pengganas, pihaknya menyatakan perlunya ada nilai tambah dalam sesi Pendidikan Islam di sekolah bagi mengawal penularan kefahtaman yang tidak benar.

Katanya, ancaman seperti IS adalah serius dan boleh berlaku kepada sesiapa sahaja serta boleh berlaku di mana-mana sahaja.

"Maka kita perlu me-

ningkatkan kefahtaman kita. Kita perlu tambah nilai sukanan pelajaran yang ada supaya kita dapat jelaskan apa sebenarnya bentuk ancaman itu, yang dihadapi penduduk seluruh dunia."

"Sukanan pelajaran pendidikan Islam sedia ada akan diteruskan dan akan diselitkan sesi penerangan mengenai pembinaan negara bangsa sekurang-kurangnya sekali sebulan kepada pelajar menengah atas," katanya.

Terdahulu, Wan Zahidi menyatakan masyarakat Islam di negara ini perlu diberi kefahtaman menyeluruh mengensi tuntutan berjihad dan ketaatan terhadap pemerintah supaya tidak terpesong daripada konsep jihad mengikut ajaran Islam sebenar.



Mahdzir beramah mesra dengan guru-guru pada majlis di Dewan Sultan Ibrahim Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, semalam. Foto: Bernama